



NAJMUDDIN (kanan) menerima trofi dan sijil Anugerah Projek Infrastruktur Besar Terbaik daripada Pengerusi CIDB, Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali (tengah).

MRT Corp raih anugerah MCIEA

Kuala Lumpur: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) memenangi Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan Malaysia (MCIEA) daripada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dalam kategori Projek Infrastruktur Besar Terbaik di Acara Penyampaian Anugerah

MCIEA 2017, baru-baru ini. Anugerah itu mengiktiraf Fasa Pertama Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) yang mempamerkan kecemerlangan menyeluruh dalam pelaksanaan projek serta mengiktiraf penggiat industri yang menyumbang dan mempamerkan kecemerlangan dalam meningkatkan

imej, prestasi dan peningkatan industri pembinaan.

Pengarah Komunikasi Strategik dan Hal Ehwal Berkepentingan MRT Corp, Datuk Najmuddin Abdullah berkata, anugerah itu mengiktiraf gabungan usaha pihak yang terbabit dalam memastikan Fasa Pertama Laluan SBK.